G
155
M35
1990

# C O U N T R Y   R E S O R T

KES KAJIAN : HOTEL HYATT SAUJANA SUBANG
MALACCA VILLAGE RESORT

**SEBUAH DISSERTASI OLEH**
**MAIZATUN NABILAH AMIR**
**K.P. ITM. 86325613**
**KURSUS : DIPLOMA SENIBINA**
**TAHUN / SEMESTER : 03 / 06**

**KEPADA : JABATAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**
**INSTITUT TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM.**
**SEBAGAI MEMENUHI KEHENDAK MATA PELAJARAN ARC 392**

ISI KANDUNGAN MUKASURAT


KATA PENGHANTAR i

METHODOLOGY ii

1.0.0 **RESORT LANDSCAPE**

1.0.1 PENGENALAN 1

1.2.0 JENIS-JENIS TEMPAT PERCUTIAN DI MALAYSIA 4

1.2.1 TEMPAT PERCUTIAN DI TEPI PANTAI 4

1.2.2 KAMPUNG PERCUTIAN 8

1.2.3 TEMPAT PERCUTIAN DI ATAS BUKIT 10

1.2.4 PULAU PERCUTIAN 12

1.2.5 COUNTRY RESORT 13

1.3.0 PENUMPUAN KAJIAN 15

1.4.0 TUJUAN 16

2.0.0 **KES KAJIAN**

2.1.0 HOTEL HYATT SAUJANA SUBANG

2.1.1 PENGENALAN 18

2.1.2 SENIBINA DAN PERANCANGAN HOTEL HYATT SAUJANA 19

Kata Penghantar

Bersyukur saya kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya, dapatlah saya menyiapkan dissertasi ini.
Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terimakasih kepada kedua ibubapa saya kerana memberi dorongan dan semangat agar terus berusaha sehingga berjaya.
Setinggi-tinggi penghargaan saya hulurkan terutamanya untuk tutor saya iaitu Puan Kamariyah Kamsah (Pensyarah Diploma Landskap) kerana telah bersusah-payah meluangkan masa untuk memberi bimbingan, pandangan dan nasihat yang amat bernas kepada saya sepanjang penyediaan dissertasi ini.
Disini, ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua:

Cik Jurina Shah (Hotel Hyatt Saujana)
Encik Ghazali (MVR)
En Othman Mohamad (Tetuan Mas Othman Associates)
En Rosly Hassan (Pengurus Pentadbiran Komputer)
Cik Juhara Othman
Cik Amalina Othman
Encik Husin Mohd Dan
Encik Saidi Ab.Rahim

yang telah terlibat dalam menyiapkan dissertasi ini.

## METHODOLOGY

Kajian yang dijalankan ini adalah melalui empat peringkat:

**Peringkat pertama** melibatkan penulisan sinopsis. Ini adalah untuk memberi pemahaman yang jelas mengenai objektif pengkajian ini. Mengenalpasti lokasi untuk kajian dan penyelidikan juga dijalankan di peringkat ini.

**Peringkat kedua** adalah kerja-kerja peninjauan dan penyelidikan yang bertumpu ke atas kes-kes kajian.

**Peringkat ketiga** melibatkan penganalisaan ke atas maklumat.

**Peringkat keempat** adalah membuat kesimpulan dari penganalisaan.

## 1.0.0 RESORT LANDSCAPE

### 1.0.1 PENGENALAN

Tempat percutian atau peranginan adalah tempat yang dikunjungi oleh para pelancong dari dalam atau di luar negeri untuk merehatkan diri dari kesibukan dan ingin merasai perubahan dari kegiatan harian. Perkembangan awal tempat percutian hanya berlaku di kawasan yang dihubungi dengan pengangkutan darat. Pada akhir abad ke-19, ia terletak berhampiran dengan kawasan tumpuan manusia iaitu di gunung-gunung, sungai-sungai atau di tepi pantai.

Tempat percutian yang awal di Malaysia dimulakan dengan rumah rehat yang dibina oleh pihak British semasa penjajahannya di negara ini. Kebanyakkan tempat ini terletak di bandar perlombongan seperti Tapah, Kampar, Kuala Lipis, Taiping, Pantai Remis, bandar-bandar di tepi laut Lumut dan Port Dickson. Untuk kawasan pergunungan Cameron Highlands dan Fraser Hill, tempat percutian yang berbeza rekabentuknya dibina untuk menyesuaikan dengan keadaan iklim yang berbeza. Apabila pengangkutan darat bertambah baik, dan kemudiannya pengangkutan air, membolehkan manusia mengembara lebih jauh ke serata dunia. Destinasi mereka pada mulanya adalah di pelabuhan-pelabuhan besar dan utama. Di antara contoh-contoh hotel ini ialah Raffles di Singapura, The Peninsula di Hong Kong dan Eastern & Orient di Pulau Pinang.